



**TAJUK KHUTBAH JUMAAT**

**Siri: 20 /2022**

**KESESATAN AQIDAH MEMBAWA PADAH**

**19 Syawal 1443 H**

*Bersamaan*

**20 Mei 2022**

DIKELUARKAN OLEH:

**JABATAN HAL EHWAL AGAMA  
TERENGGANU**

**PERINGATAN:**

Adalah diingatkan bahawa sebarang penambahan dan pemindaan terhadap isi kandungan teks khutbah yang telah disediakan oleh Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu adalah **DILARANG**. Khatib yang bertugas hendaklah menyemak kembali **RUKUN, AYAT AL-QURAN** dan helaian muka surat yang diterima. Pastikan teks dibaca terlebih dahulu sebelum menyampaikan khutbah.

## **KHUTBAH PERTAMA**

إِنَّ الْحَمْدَ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ، وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ أَعْمَالِنَا، مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ، وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ،  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ أُوصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati,**

Marilah kita sama-sama meningkatkan ketakwaan ke hadrat Allah S.W.T dengan sebenar-benar takwa, semoga kita semua beroleh kebahagiaan dalam kehidupan dunia di akhirat.

Khutbah pada hari ini akan membicarakan tajuk :

**“Kesesatan Aqidah Membawa Padah”.**

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,**

Aqidah merupakan satu perkara yang sangat bernilai dalam diri manusia. Ia merupakan syarat utama bagi menentukan kedudukan seseorang di hari

akhirat. Orang yang beriman pasti akan menjadi ahli syurga walaupun disiksa terlebih dahulu kerana dosanya. Manakala orang kafur akan kekal di dalam neraka selama-lamanya. Firman Allah SWT dalam surah al-Bayyinah ayat 6-7:

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ وَالْمُشْرِكِينَ فِي نَارِ جَهَنَّمَ خَالِدِينَ فِيهَا أُولَئِكَ هُمْ شَرُّ

الْبَرِيَّةِ ﴿٦﴾ إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أُولَئِكَ هُمْ خَيْرُ الْبَرِيَّةِ ﴿٧﴾

**Maksudnya :** Sesungguhnya orang-orang yang kafir dari golongan Ahli Kitab dan orang-orang musyrik (akan masuk) ke neraka Jahanam; mereka kekal di dalamnya selama-lamanya. Mereka itu adalah sejahat-jahat makhluk. Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan kebajikan, mereka itu adalah sebaik-baik makhluk.

### Sidang Jumaat Sekalian

Dalam usaha pihak berkuasa untuk membangunkan ummah dan menyebarkan dakwah Islam, kita amat dukacita apabila masih terdapat golongan yang cuba menimbulkan kekeliruan dan memberi kefahaman yang menyeleweng kepada masyarakat, ajaran yang menyesatkan dari aqidah Islam.

Fahaman yang sesat dan menyeleweng bukanlah perkara baru dalam agama Islam, malahan dalam sirah, baginda Rasulullah SAW pernah mendedahkan terdapat 72 golongan yang akan masuk ke neraka dan satu golongan sahaja yang akan masuk ke syurga.

Sabda Rasulullah SAW :

أَلَا إِنَّ مَنْ قَبْلَكُمْ مِنْ أَهْلِ الْكِتَابِ افْتَرَقُوا عَلَى ثِنْتَيْنِ وَسَبْعِينَ مِلَّةً، وَإِنَّ  
هَذِهِ الْمِلَّةَ سَتَفْتَرِقُ عَلَى ثَلَاثٍ وَسَبْعِينَ: ثِنْتَانِ وَسَبْعُونَ فِي النَّارِ، وَوَاحِدَةٌ  
فِي الْجَنَّةِ، وَهِيَ الْجَمَاعَةُ

**Maksudnya :** Ketahuilah sesungguhnya golongan ahli kitab sebelum daripada kamu berpecah kepada 72 golongan. Dan golongan ini (Islam) akan berpecah kepada 73 golongan. 72 golongan akan ke neraka dan satu golongan akan ke syurga iaitu al-Jamaah.”

(Riwayat Abu Daud)

### **Sidang Jumaat Sekalian**

Demikian juga dalam negara kita ini, ajaran dan fahaman sesat bukanlah satu perkara baru kerana ajaran serta amalan sesat mula bertapak sejak lama dahulu. Ajaran dan amalan yang tidak berteraskan sumber al-Quran dan hadis terus meresapi dalam masyarakat Islam dengan berselindung di sebalik kesucian agama Islam.

Walaupun penglibatan ajaran sesat memberi kesan kepada aqidah seseorang, namun sebahagian dalam kalangan umat Islam yang masih tetap melibatkan diri dengan ajaran sesat. Ini kerana golongan pengamal ajaran sesat kerap menggunakan beberapa taktik sebagai umpan untuk mendapatkan pengaruh masyarakat. Antaranya janji-janji jaminan dapat masuk ke syurga, menghapuskan dosa-dosa lampau dan percaya ajaran

baharu ini boleh mendatangkan manfaat kesenangan hidup di dunia yang berupa wang, pangkat dan kedudukan.

Apa yang membimbangkan adalah sikap ketua ajaran sesat ini yang menanam kepercayaan para pengikutnya supaya berfikiran fanatik, taksub serta ekstrem dengan mengagungkan dan hanya ketua mereka sahaja yang betul dan benar. Kesannya ini boleh menyebabkan mereka sukar untuk meninggalkan sesuatu ajaran sesat tersebut kerana takut dianggap derhaka atau ditakuti sesuatu keburukan akan menimpa mereka.

### **Sidang Jumaat Sekalian**

Menurut laporan JAKIM, melebihi 100 ajaran telah difatwakan sebagai sesat di seluruh Malaysia meliputi pelbagai bentuk sama ada sesat melalui aliran pemikiran, amalan perbomohan dan penilikan yang bercanggah dengan Islam, khurafat, ajaran batiniah serta ajaran yang diluar dari amalan Ahli Sunnah Wal Jamaah.

Perkembangan terkini menunjukkan bahawa mereka bukan sahaja ingin memesongkan aqidah umat Islam tetapi cuba menjurus kepada tindakan melampau di luar batasan undang-undang. Keadaan tersebut mampu mengganggu-gugat keharmonian perpaduan dikalangan umat Islam serta berupaya mengancam keselamatan Negara.

Beberapa ajaran telah difatwakan sebagai sesat, antaranya Millah Abraham, Kanzun Makhfiyyan, al Arqam, Rufaqa, Hizbut Tahrir, Rasul Melayu, ajaran Wahdatul Wujud dan banyak lagi yang bercanggah dengan Ahli Sunnah wal Jamaah.

Umat islam perlu berwaspada daripada kesesatan aqidah kerana ia boleh mendatangkan kesan yang buruk kepada individu terlibat. Aqidah yang

sesat dan menyeleweng boleh menyebabkan terbatalnya iman dan islam seseorang. Apabila aqidah terbatal, maka hilanglah haknya sebagai seorang Muslim, antaranya menjadi wali dalam perkahwinan, hak mewarisi harta pusaka, juga menyebabkan terbubaranya ikatan perkahwinan antara suami isteri. Pegangan Aqidah yang menyeleweng juga menyebabkan seseorang itu tidak diurus dan dikebumikan di tanah perkuburan Islam selepas kematiannya.

### **Sidang Jumaat yang dikasihi,**

Secara ringkasnya disini, khatib ingin membawa beberapa contoh ciri ajaran sesat untuk peringatan kita bersama. Antaranya ialah :

**Pertama** : Mengaku diri sebagai nabi dan mendakwa ada menerima wahyu.

**Kedua** : Mengaku diri sebagai penyelamat dunia atau Imam Mahdi.

**Ketiga** : Mendakwa bahawa pengikut-pengikut atau ajarannya sahaja akan masuk syurga.

**Keempat** : Mendakwa mampu melakukan sesuatu yang luar biasa seperti dapat mengetahui lokasi barang yang hilang atau dapat menebus dan menghapuskan dosa seseorang melalui sejumlah bayaran tertentu.

**Kelima** : Memohon kepada benda-benda tertentu seperti batu, cincin dan sebagainya untuk sampai kepada Tuhan.

**Keenam** : Mengaku Allah menjelma dalam dirinya.

**Ketujuh** : Mendakwa atau mengaku dirinya sebagai wakil Nabi yang boleh memberi syafaat kepada muridnya.

**Kelapan** : Mendakwa ajaran dan tarekat yang diamalkan diambil terus dari Rasulullah SAW secara jaga.

**Kesembilan** : Membatal atau memansuhkan syariat-syariat Islam seperti sembahyang, puasa, zakat, haji dan membuat syariat baru.

**Kesepuluh** : Menafsir ayat-ayat al-Quran berdasarkan kepada akal tanpa merujuk kepada tafsiran yang muktabar.

Ini adalah sebahagian daripada contoh ciri-ciri kesesatan dan penyelewengan yang berlaku dalam masyarakat dan terdapat banyak lagi ciri-ciri kesesatan lain yang boleh merosakkan aqidah dan pegangan sebagai seorang muslim.

### **Sidang Jumaat yang dirahmati,**

Mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib ingin mengajak sidang jemaah sekalian untuk menghayati beberapa perkara berikut sebagai panduan dan pedoman bersama :

**Pertama** : Seluruh umat Islam hendaklah berhati-hati dengan pelbagai bentuk penyebaran ajaran sesat yang boleh memesongkan akidah.

**Kedua** : Jika terdapat keraguan terhadap sesuatu pengajaran maka hendaklah segera merujuk kepada Pihak berkuasa Agama untuk mendapat kesahihan.

**Ketiga** : Hanya aqidah yang sahih dan berpandukan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah sahaja dapat menjamin kebahagiaan yang kekal di negeri akhirat.



**Keempat** : Umat Islam hendaklah hadir ke majlis-majlis ilmu dan kelas pengajian aqidah yang diajar oleh para ulama dan guru yang mursyid. Semoga Allah memberi kepada kita iman dan aqidah yang teguh dan dimatikan dalam husnul khatimah.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

أَلْيَوْمَ أَكْمَلْتُ لَكُمْ دِينَكُمْ وَأَتَمَمْتُ عَلَيْكُمْ نِعْمَتِي وَرَضِيتُ لَكُمُ الْإِسْلَامَ دِينًا

**Maksudnya** :Telah Ku sempurnakan untuk kamu agamamu, dan Telah Ku cukupkan kepadamu nikmat Ku, dan Telah Ku redha bahawa Islam itu menjadi agama kamu.

(Al – Maidah: 3)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ.

وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ آيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ،

وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ،

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ

وَ لِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ

فِيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ. وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ،  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

مَعَاشِرَ الْمُسْلِمِينَ رَحِمَكُمُ اللَّهُ،

Marilah juga kita memperbanyak ucapan selawat dan salam kepada Rasulullah SAW sebagaimana firman Allah dalam surah al-Ahzab ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا

تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا  
إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا  
مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ،  
إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ  
وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ.

اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ مَا لَا يَصْرِفُهُ غَيْرُكَ.  
اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ وَالْجُنُونِ وَالْجُذَامِ وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ. اللَّهُمَّ  
اشْفِ مَرَضَانَا وَارْحَمْ مَوْتَانَا، وَالطِّفْ بِنَا فِيمَا نَزَلَ بِنَا.

اللَّهُمَّ احْفَظْ مَوْلَانَا الْوَاتِقَ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ زَيْنِ الْعَابِدِينَ، ابْنَ الْمَرْحُومِ  
السُّلْطَانَ مُحَمَّدٍ الْمُكْتَفَى بِاللَّهِ شَاهٍ، وَأَنْزِلِ الرَّحْمَةَ عَلَيْهِ وَعَلَى السُّلْطَانَةِ نُورِ  
زَاهِرَةِ، سُلْطَانَةِ تَرَغْكَانُو.

وَاحْفَظْ أَوْلَادَهُ وَأَهْلَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فِي الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ،  
بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ وِلْيَ الْعَهْدِ تَعَكُّو مُحَمَّدَ إِسْمَاعِيلَ ابْنَ الْوَاتِقِ بِاللَّهِ السُّلْطَانَ مِيزَانَ  
زَيْنِ الْعَابِدِينَ.

Ya Allah, kurniakan kami agar cintakan keimanan. Jadikanlah ia perhiasan hati kami. Pahatkanlah dalam diri kami, rasa benci kepada kekufuran, kefasikan, dan kemaksiatan. Masukkanlah kami ke dalam golongan orang yang mendapat petunjuk. Tunjukkanlah kami kebenaran itu sebagai kebenaran, dan kurniakan kami dapat mengikutinya. Dan tunjukkanlah kami kebatilan itu sebagai kebatilan, dan kurniakan kami untuk menjauhinya. Janganlah Engkau jadikan kami terkeliru, menyebabkan kami menyimpang dari kebenaran. Jadikanlah kami terus kekal istiqamah atas kebenaran.

Ya Allah, pertautkanlah hati-hati kami. Baikilah hubungan sesama kami. Tunjukkanlah kami jalan-jalan keselamatan dan kesejahteraan.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.  
وَصَلَّى اللهُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلَّمَ.  
وَالْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللهِ!

أَذْكُرُوا اللهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَأَشْكُرُوهُ عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ،  
وَلَذِكْرُ اللهِ أَكْبَرُ، وَاللهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.  
قُومُوا إِلَى صَلَاتِكُمْ، يَرْحَمْكُمْ اللهُ.